

# DBKL pantau kebersihan makanan

Susulan peningkatan kes keracunan di bazar Ramadan sekitar ibu negara

Oleh MOHD AZLIM ZAINURY  
KUALA LUMPUR

Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah melakukan pemantauan kebersihan makanan di bazar Ramadan Tasik Permaisuri Bandar Tun Razak di sini pada Rabu.

Pemantauan yang dilakukan pada hari kedua Ramadan itu diketuai Timbalan Pengarah Kanan JKAS DBKL, Dr Nor Halizam Ismail bersama 13 orang petugas.

DBKL dalam satu kenyataan

menjelaskan, sebanyak 115 sampel makanan telah diambil dari bazar berkenaan untuk dihantar ke Pusat Analisis JKAS DBKL.

Menurutnya, pensampelan bertujuan untuk memantau kebersihan dan keselamatan makanan dijual kepada orang ramai.

"Pemeriksaan mikrobiologi seperti kuman salmonella tyhi, E-Choli dan Coliform yang merupakan indeks pengukuran kebersihan makanan yang dijual.

"Sekiranya berlaku pelanggaran atau pencemaran, tindakan denda atau kompaun akan dikenakan kepada peniaga," katanya.

Menurutnya, pemantauan dilakukan susulan kes keracunan makanan yang meningkat dilaporkan dari bazar-bazar Ramadan sekitar ibu kota sejak tempoh dua tahun ke-



Petugas JKAS DBKL mengendalikan sampel yang diambil di bazar Ramadan Tasik Permaisuri Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur pada Rabu.

belakangan ini.

Jelas beliau, berdasarkan notifikasi oleh Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan, KKM melaporkan sebanyak 43 kes pada 2022 dan 62 kes pada tahun 2023.

Tambahnya, JKAS juga me-

lakukan pemeriksaan berkait kehendak-kehendak kesihatan pada pengendali makanan.

"Sebagai contoh, teguran diberikan kepada peniaga yang menggunakan dawai kokot pada bungkusan makanan kerana boleh mendatangkan ba-

haya kepada pengguna.

"Hasil pemeriksaan mendapati kebanyakan peniaga bazar mempunyai suntikan tifoid, menjaga kebersihan tapak, tidak menggunakan polistirena dan tiada pembantu warga asing," katanya.